



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 7 MAC 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PERBADANAN PERTANIAN MULAI BEROPERASI, NEGERI, HAKAKAH -N14 PUSAT PENTERNAKAN DIMAJU SEMULA, NEGERI, HAKAKAH -N14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	KOREK PASIR JANGAN ABAI ASPEK PERIKANAN, WILAYAH, BH -61	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PECAH MONOPOLI BERNAS PERLU STRATEGI, KOMENTAR, BH -11	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) / BERNAS
5.	PASAR TANI RIVER FRONT PINDAH KE LOKASI BAHARU, MY METRO -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	KAWASAN PADI TERANCAM, KEMARAU BERLANJUTAN, DALAM NEGERI, UM -10	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
7.	JUAL 100KG IKAN MASIN, KERING SEHARI, SETEMPAT, HM -14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8. 9.	RM500,000 'TERBANG', SETEMPAT, HM -15 MITOS ORANG LAUT, TANJUNG KARANG KUALA SELANGOR, SH -24	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Perbadanan Pertanian mulai beroperasi

Oleh Muhammad Arif Ismail

**PASIR MAS:** Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) yang diulus penubuhannya pada penggal lepas sekarang beroperasi sepenuhnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, mesyuarat lembaga pengarah per-

tama diadakan pada Selasa lepas.

Katanya lembaga pengarah meneliti beberapa projek terutamanya yang dilaksanakan separuh jalan termasuk projek penanaman tebu telur.

"Selain itu ada juga cadangan projek spirulina, stevia dan nanas," katanya ketika ditemui pada lawatan kerja ke projek penternakan rusa di Jabatan Veterinar di Rong Chenok Ahad lepas.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Dato' Hassan Mohamood, Ketua Jajahan Pasir Mas, Mohd Anis Hussain.

Selain itu Pengarah Veterinar Kelantan Dr Suratan Kamarudin; Ketua Eksekutif PKPNK Engku Rajhan, Engku Ismail dan Pengurus Besar Kelantan Biotech Corp Sdn Bhd Wan Subki Wan Omar.



Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail dan Ustaz Hassan Mohamood memberi makan rusa yang dipelihara di Rong Chenok.



Pusat ternakan yang terbiar-akan dipulih semula.

## Pusat penternakan dimaju semula

**PASIR MAS:** Kawasan seluas 100 ekar di Rong Chenok yang sebelum ini diusahakan syarikat Jibad Ternak Sdn Bhd akan dimajukan semula.

Anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kajian semula per-

lu dilakukan bagi melihat potensinya.

Katanya, kerajaan negeri meminta Jabatan Veterinar dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) merealisasikan hasrat itu.

"Kita munta dua agensi terbabit melihat semu-

la serta mengkaji potensi baharu lokasi tersebut di mana sekarang agak terbiar.

"Pusat penternakan sebenarnya boleh dimajukan bagi memberi manfaat serta hasil penduduk tempatan," katanya ketika ditemui di sini.

Pusat penternakan milik Jabatan Veterinar tersebut terletak tidak jauh dari Masjid Brunei Darussalam di Danau Tok Uban.

Lokasi itu menjadi tumpuan pelancong terutama pada hujung minggu dan musim cuti persekolahan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2019	BERITA HARIAN	WILAYAH	61

# Korek pasir jangan abai aspek perikanan

➔ Nelayan dakwa aktiviti beri kesan buruk kepada industri

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

▀ Shah Alam

Jabatan Perikanan Selangor meminta supaya pihak berkaitan yang meluluskan aktiviti mengorek pasir, supaya mengutamakan aspek perikanan di kawasan berkenaan sebelum lesen diluluskan.

Pengarah Perikanan Selangor, Azlisha Ab Aziz, berkata ia adalah cadangan penyelesaian jangka panjang bagi memastikan industri perikanan tidak terjejas, berikutan kerja pengorekan pasir di sesuatu kawasan dilakukan.

Katanya, jabatan menyedari isu yang membelenggu nelayan di Kuala Langat, terutamanya membabitkan pengambilan pasir laut secara haram, aktiviti perkapalan tidak sistematik dan pembuangan sisa kumbahan industri kilang.

Katanya, berdasarkan maklumat yang diperolehi, beliau juga sudah memanjangkan perkara itu kepada pihak berkaitan.

"Kita memang dimaklumkan isu ini dari semasa ke semasa. Kita juga panjangkan kepada pihak berkaitan seperti Lembaga Urus Air Se-



Jabatan Perikanan Selangor memohon aspek perikanan diberikan penekanan, dalam semua permohonan aktiviti korek pasir sebelum ia diluluskan.

**Azlisha Ab Aziz,**  
Pengarah Perikanan Selangor

langor (LUAS), pihak yang meluluskan korek pasir dan sebagainya, kerana kita faham penguatkuasaan juga perlu dijalankan.

## Keluhan nelayan

"Perkara ini sering ditimbulkan dalam sesi dialog dengan nelayan di kawasan persekitaran, malah nelayan ada berdialog dengan kakitangan dari Pejabat Daerah Perikanan di Banting.

"Akhir tahun lalu, ada sesi dialog bersama nelayan di Bagan Lalang. Wakil nelayan dari Kuala Langat juga hadir membawa isu ini.

"Dialog dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dan beliau ada maklumkan isu ini membabitkan agensi lain juga," katanya ketika dihubungi BH.

Azlisha berkata, selepas melihat isu itu pihaknya memutuskan penyelesaian jangka panjang mengurangkan bebanan yang dihadapi nelayan di kawasan terbabit.

"Penyelesaian jangka panjang itu adalah Jabatan Perikanan Selangor memohon aspek perikanan diberikan penekanan, dalam semua permohonan aktiviti korek pasir sebelum ia diluluskan.

"Ini disebabkan kegiatan korek pasir, kawasan persekitaran itu yang teruk terjejas. Selain itu, penguatkuasaan berterusan mesti dilaksanakan bagi mengekang pembuangan sisa minyak yang mencemari Sungai Langat, serta memudahkan hidupan di situ," katanya.

Sementara itu, Azlisha berkata, pihaknya juga mendapat maklum balas positif dari LUAS selepas memaklumkan perkara terbabit.

"LUAS memang ada tindakan sullivan untuk mengawal pencemaran di bahagian hulu akibat pembuangan sisa oleh kilang-kilang di sungai itu.

"Selain memaklumkan kepada LUAS, kita juga ada melabuhkan tukun konkrit di kawasan Kuala Langat," katanya.

# Pecah monopoli BERNAS perlu strategi

**K**etika negara berkira-kira memantapkan sektor pertanian khususnya dalam memastikan soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara terpelihara, timbul hasrat memecahkan monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Kerajaan membayangkan membuka 30 peratus monopoli BERNAS kepada pemain industri padi dan beras tahun depan, memberi gambaran penguasaan total syarikat berkenaan bakal ditamatkan.

Menamatkan monopoli BERNAS nampak mudah, namun melaksanakannya memerlukan pendekatan terperinci. Kedudukan serta fungsi BERNAS sebagai penjaga industri padi dan beras tempatan perlu diambil kira, kerana soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara turut diperartuhkan.

BERNAS diswastakan 1 Januari 1996, secara dasarnya mengambil alih peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Ia menyelenggara dan mengurus stok penimbang negara, membeli padi daripada petani dengan harga minimum dan terjamin, serta bertindak sebagai pembeli terakhir petani. BERNAS juga mengurus



**Adha Ghazali dan Norhafzan Jaafar**

bhrencana@bh.com.my

pembayaran subsidi kepada petani di bawah Skim Subsidi Harga Padi, selain menguruskan skim pengilang Bumiputera.

Logiknya perubahan pada kedudukan BERNAS dalam industri, mungkin menyebabkan rantaian sektor dibentuk sekian lama terganggu. Semua pemegang taruh meliputi broker, pembeli, pengilang, pemborong, peruncit dan penting sekali petani, akan menerima impak.

## Elak industri huru-hara

Rakan rapat dengan BERNAS mengakui monopoli sektor padi dan beras sebenarnya bertitik tolak pada era 1970-an ketika industri masih di bawah LPN. Jadi pelik juga apabila alasan monopoli digunakan untuk mewajarkan langkah terkebelakang, mengembalikan LPN seperti dituntut sesetengah pihak.

Apa pun aspek positif monopoli tidak boleh dipandang sepi. BERNAS berperanan sebagai pengimport besar, selain pembeli dan pembekal utama industri. Ia bukan usaha sehari dua dan kekuatan ini memberi 'kuasa' kepada BERNAS mengawal harga belian beras, yang turut memberi kesan positif kepada industri.

Jika ia begitu positif, kenapa monopoli ini hendak dipecahkan? Ramai berteka-teki, namun andaian tindakan itu bukan kerana syarikat, sebaliknya lebih disebabkan 'individu' yang memonopoli melalui BERNAS agak menarik.

Apa pun andaian monopoli BERNAS dipecahkan, strateginya perlu tepat bagi mengelak industri padi dan beras negara huru-hara. Bercakap soal strategi, dua kemungkinan wajar diambil kira.

Monopoli andai dikekalkan tidak boleh lagi dimiliki individu, sebaliknya dikuasai kelompok umum sama ada meletakkan kuasa itu di bawah kerajaan atau melalui syarikat strategik. Contohnya Khazanah Nasional Berhad atau Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Pilihan pertama sedikit sangsi kerana kerajaan tidak begitu bagus berniaga. Rekod LPN menjadi bukti sehinggalah wujud ramai

pemborong beras, menyebabkan aspek kawal selia gagal. Pilihan kedua lebih realistik. Melalui keuntungan diperoleh bukan lagi dikuasai individu, sebaliknya membabitkan kumpulan dengan dikendalikan secara efisien kelompok profesional.

## Status pengimport tunggal

Logiknya pengalihan status pengimport tunggal melalui monopoli memudahkan kawal selia kemasukan beras import agar tidak berlaku lambakan.

Memecah monopoli BERNAS sepenuhnya dan beralih kepada pasaran terbuka, cukup berisiko kerana mengundang bencana besar apabila semua pihak dibenarkan mengimport beras. Natijahnya masalah pemantauan akan timbul dan kemasukan beras import tidak terkawal. Ini akan mengancam sektor padi tempatan, khususnya dalam soal persaingan harga.

Jadi pilihan terakhir melalui konsep separa terbuka, di mana lesen import diberi kepada beberapa pemain industri dalam jumlah terhad. Ini lebih sesuai kerana mewujudkan persaingan dalam pasaran, pada masa sama masih terkawal.

Difahami ketika ini empat

model baharu dikemukakan dan jawatankuasa khas dianggotai lapan kementerian diketuai Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, bertanggungjawab menilai yang terbaik.

Apa pun konsep dipilih, sasarannya bukan sekadar memastikan pertimbangan dibuat tidak mendasarkan kesan kepada industri, terutama 150,000 petani yang selama ini dibela BERNAS, tetapi lebih penting memastikan soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara terus dipelihara.

Di sebalik isu monopoli, industri padi dan beras negara sendiri harus berubah. Dari segi perbandingan, kos pengeluaran beras Malaysia sekian lama paling tinggi dibandingkan Thailand dan Vietnam. Agak pedih dikatakan, namun haldkatnya berapa banyak pelaburan disalurkan kerajaan setiap tahun baik dalam bentuk insentif atau subsidi, untuk membantu petani dan industri.

Pendekatan sebegini harus berubah. Kaedah penanaman lebih terancang khususnya dalam bentuk etat dengan pengurusan sistematis perlu digembleng. Ia bukan sahaja meminimumkan kos, tetapi lebih utama produktiviti hektar juga meningkat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2019	MY METRO	ONLINE	

## Pasar Tani River Front pindah ke lokasi baharu



LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil keputusan memindahkan 80 peniaga Pasar Tani River Front ke Pasar Tani Kekal Pekan, bermula esok. Pengarahnya Rosli Aw Da berkata, ia bagi memberi lebih keselesaan kepada peniaga serta pelanggan yang kini semakin bertambah.

“Saya berharap 80 peniaga Pasar Tani River Front yang akan berniaga di Pasar Tani Kekal Pekan esok, tidak berdepan masalah terutama di peringkat awal.

“Dengan pelbagai kemudahan di pasar tani kekal Pekan seperti tandas, surau dan tempat berniaga berbumbung saya yakin peniaga lebih selesa,” katanya, hari ini.

Rosli berkata, Pasar Tani River Front mencatat jualan lebih RM9 juta tahun lalu dan jumlahnya dijangka meningkat kepada RM10 juta tahun ini.

Katanya, Pasar Tani Kekal Pekan sebelum ini beroperasi dua kali seminggu iaitu setiap Rabu dan Sabtu, namun mulai esok ia akan bertambah kepada tiga kali seminggu.

Beliau berkata, sambutan pengguna terhadap hasil pertanian di pasar tani kini semakin meningkat disebabkan harganya berpatutan dan berkualiti.

“Saya berharap pengguna menjadikan pasar tani sebagai tempat mendapatkan pelbagai jenis barangan keperluan seperti sayur, buah, ikan dan daging segar.

“Kini terdapat sebanyak 37 pasar tani di Pahang membabitkan lebih 1,600 peniaga pelbagai produk,” katanya.

# Kawasan padi terancam, kemarau berlanjutan

**PASIR PUTEH 6 Mac** - Kira-kira 30 petani yang mengusahakan padi di Bendang Wakaf Raja dan Bukit Yong, di sini bakal berdepan dengan kerugian besar apabila lebih 46 hektar tanaman mereka yang sedang berbuah menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Seorang petani, **Mat Taib Mat Hussin**, 56, berkata, kawasan bendang itu tidak menerima bekalan air sejak lebih dua minggu lalu menyebabkan keadaan sawah semakin kering-kontang. Menurutinya, ketiadaan bekalan air menyebabkan tumbesaran padi terencat dan sering diserang penyakit yang sukar dikawal dan dalam masa sama sukar untuk membuat aktiviti meracun.

"Air dalam parit di sekitar sawah keseluruhannya sudah kering berikutan kemarau. Kalau mengiktiraf jadtual penana-



**KEADAAN kemarau yang berlanjutan menyebabkan bekalan air gagal di pam dan disalurkan ke sawah di Wakaf Raja dan Bukit Yong, Pasir Puteh, Kelantan.**

meningkatkan paras air di sungai-sungai utama di sekitarnya.

Katanya, langkah itu sebahagian daripada persiapan menghadapi kemungkinan musim kemarau berpanjangan dan mengurangkan risiko keputus-putus bekalan air kepada penduduk di daerah ini mulai sekarang.

"Ya bertujuan bagi menampung keperluan seharisan lebih 100,000 penduduk di Pasir Puteh termasuk memastikan mereka yang menceburi sektor pertanian dan keusahawanan tidak terjejas teruk," katanya.

Hamadi berkata, lebih membayangkan jika bekalan air ke rumah-rumah dan premis, perniagaan terjejas apabila pam air di loji di Kampung Wakaf. Bununut milik Air Kelantan Sdn. Berhad (AKSB) tidak dapat mengem- pam air dari Sungai Rasau.

Sementara itu, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kemasin-Semerak (IADA), **Nik Hamadi Nik Abdul-**lah berkata, pintu kawalan air pa- sang surut ditutup 24 jam untuk

namun keadaan pam yang tidak berfungsi untuk mengalirkan- nya ke bendang memungkin- kami berdepan dengan risiko kerugian," katanya ketika dite- mui di sini hari ini.

man, sebulan lagi padi kami su- dah boleh tuai namun tanaman itu akan mati sekiranya masalah bekalan air gagal ditatasi segera. "Sumber air dari empangan Sungai Yong dilihat mencukupi

7/3/2019

HARIAN  
METRO

SETEMPAT

14

## Jual 100kg ikan masin, kering sehari

**Pasar Putek:** Peniaga ikan memanfaatkannya musim kema-rain ini dengan membuat ikan kering atau ikan masin dan menjualnya berikutan permintaan tinggi penduduk.

Malah, peniaga sekitar Tok Bali, di sini mendakwa permintaan mencecah 100 kilogram (kg) sehari, sekali gus rezeki berganda buat mereka.

Ibu tunggal, Sarifah Saud, 49, berkata, dia mengambil peluang itu membuat ikan masin daripada pelbagai jenis ikan termasuk ikan talang, gelama, selar kurung dan duri.

Mengusahakannya bersama kakak, Jamilah, 55, yang juga ibu tunggal dan abangnya, Jamil, 52, serma hasil itu hanya dijual di hadapan rumah mereka.

"Alhamdulillah, sejak awal musim kemarau, proses mengeringkan ikan yang diperap dengan garam hanya mengambil masa sehari, berbanding ketika

musim hujan, kami mengambil masa lebih dua hari.

"Ikan kering ini mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja daripada pelanggan Kelantan, malah luar negeri," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, mereka hanya menggunakan ikan segar yang dihantar peralihan atau dibeli di Kompleks Lembaga Kerajinan Ikan Malaysia (LKIM) di Tok Bali.

"Ikan dijual dengan harga antara RM18 sekilogram bagi ikan kecil dan RM50 hingga RM80 untuk ikan besar seperti talang serta gelama.

"Kami mengutamakan kualiti ikan sejak memulakan bisnes ini 12 tahun lalu kerana tidak mahu mengecewakan hati pelanggan.


"Lagipun, mudah dapat bekalan ikan disebabkan bekalan banyak dan nelayan turun ke laut," katanya.



SARIFAH (kanan) bersama adik iparnya, Rahimah menjaja ikan kering di hadapan rumah mereka di Tok Bali.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15



Mat Nawi (dapan) Bersama anaknya Ibrahim membersihkan saluran di kolam ikan di Kampung Lapan Jaya.



### FENOMENA KEMARAU PANJANG

# RM500,000 'TERBANG'

■ **Penternak ikan berdepan kerugian berikutan air kolam semakin kering**



Ramli Ibrahim  
am@nstp.com.my

#### Gam Melayang

**P**enternak ikan kolam di Kampung Lapan Jaya, di sini bakal berdepan kerugian lebih RM500,000 sekiranya kemarau berpanjangan.

Mat Nawi Husain, 60, berkata, dia memelihara 100,000 pelbagai jenis ikan kolam sejak 26 tahun lalu, dan kali pertama berdepan fenomena kemarau yang panjang.

"Sejak kemarau panjang bermula lebih sebulan lalu, semua lapan kolam ikan surut 0.5 meter.

"Paling membimbangkan jika keadaan itu berterusan boleh menyebabkan kematian 9,000 ikan kelah saya.

"Ikan kelah ini pula hampir matang untuk dijual dan setiap seekor mempunyai berat antara satu hingga tiga kilogram, boleh dijual pada harga RM200 sekilogram," katanya ketika ditemui, kelmarin.

Selain ikan kelah, Mat Nawi juga memelihara 40,000 ikan tilapia, ikan patin (30,000) dan ikan tonggan (20,000).

Menurutnya, dia kini buntu memikirkan cara untuk mengatasi masalah air kolam ikan yang semakin kering dan berharap ada bantuan daripada pihak berkuasa.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2019	SINAR HARIAN	TANJUNG KARANG, K.SEL	24

# Mitos orang laut

**Ikan lumba-lumba, nelayan ada sejarah tersendiri**

**ARZIANA MOHMAD AZAMAN**

**KUALA SELANGOR**

**P**enemuan ikan lumba-lumba yang tersesat masuk ke dalam perairan daerah ini pastinya menjadi satu fenomena yang jarang sekali berlaku.

Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Selangor, Omar Abd Rahman, 59, menjelaskan, kebanyakan nelayan selalu jumpa mamalia itu di tengah laut.

"Ikan lumba-lumba ini biasa jumpa cuma kalau ikan paus tu jaranglah boleh jumpa. Tapi kalau kes semalam ikan lumba-lumba ini terlepas masuk ke Pantai Remis itu pun jarang berlaku.

"Selalu nelayan nampak dekat tengah laut...lagipun ada sejarahnya ikan lumba-lumba ini pada nelayan dan kalau diceritakan, orang zaman sekarang mana nak percaya.

"Tapi orang laut pastinya tahu pasal sejarah sekumpulan ikan lumba-lumba yang dikatakan menjaga orang yang karam dari dimakan ikan buas... ikan lumba-lumba ni tak



Keratan Sinar Harian semalam.



**MOHD FAZLAN**

membahayakan pun.

"Dulu kalau ikutkan cerita orang lama, ada nelayan yang karam di tengah laut, ikan lumba-lumba inilah yang jaga dan mengelilingi mangsa supaya tidak dimakan ikan besar lain...itulah kelebihan ikan ini," katanya.

Seorang lagi Ahli Lembaga Pengarah PNK Kuala Selangor, Razak Yusoff, 63, berkata, ikan lumba-lumba dengan nelayan memang tidak dapat dipisahkan jika turun ke laut mencari hasil ikan.

"Terbaru, pakcik nampak semalam masa menjaring ikan. Ikan lumba-lumba tu rapat ke tepi bot dan pakcik pun bagi ikan kecil untuk dimakan. Memang selalu nampak dalam 20 ekor sekumpulan.



**OMAR**

"Selalunya ikan lumba-lumba ini suka ke tepi laut masa air mati...mungkin nak cari makan. Macam kes semalam tu mungkin terpisah dalam kumpulan dan tersesat masuk ke perairan cetek.

"Memang mitos nelayan karam dengan ikan lumba-lumba itu cerita yang orang lama kongsi dan memang tak nafikan, ikan lumba-lumba ni peramah dan selalu dekat bot masa kami menjaring," katanya yang lebih 40 tahun menjadi nelayan.

Sementara itu, Ketua Perikanan Daerah Kuala Selangor, Mohd Fazlan Abdul Ghani berkata, pihaknya tidak menafikan insiden ikan lumba-lumba yang terlepas masuk ke Pantai Remis itu belu-

**info**

**Menurut cerita orang lama, nelayan karam di tengah laut dijaga ikan lumba-lumba**

pernah berlaku.

"Tiada menerima laporan daripada orang awam mengenai ikan lumba-lumba itu dibawa naik ke daratan tetapi difahamkan mamalia itu sudah dilepaskan ke laut dengan selamat.

"Jika berlaku insiden sama, saya nasihatkan orang ramai supaya menghubungi jabatan untuk rekod dan jika masih hidup, kena lepaskan ke laut tetapi jika penemuan bangkai mamalia itu, pihak kami akan ambil sampel untuk tindakan susulan," katanya.

Terdahulu, penemuan seekor ikan lumba-lumba yang terlepas masuk ke perairan cetek di Pantai Remis, di sini bagaimanapun berjaya diselamatkan nelayan setempat.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, Hussin Jaomar, 58, sedang berehat di bangku berhampiran pantai bersama tiga rakannya sebelum dikejutkan dengan penemuan ikan lumba-lumba itu.

Hussin yang menetap di Kampung Sungai Janggut itu cuba sedaya upaya untuk menyelamatkan ikan lumba-lumba itu supaya tidak cedera teruk akibat terkena batu di pantai terbabit.